

KENYATAAN AKHBAR

PERMOHONAN FASA 1 APLIKASI DALAM TALIAN (*ONLINE APPLICATION*) UNTUK KEMASUKAN KE IPTA BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2009/2010

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepasan SPM/Setaraf dengan menggunakan Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*) sepenuhnya mulai Sesi Akademik 2008/2009.
2. Memandangkan kuantum pemohon adalah tinggi dari kalangan Lulusan SPM, iaitu dianggarkan 200,000 permohonan, KPT mengambil langkah-langkah proaktif bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dengan melaksanakan permohonan Aplikasi Dalam Talian secara **dua (2) fasa** iaitu :
 - i. Fasa 1 : Pendaftaran Permohonan
 - ii. Fasa 2 : Pengesahan Permohonan
3. Kaedah ini merupakan usaha dan keprihatinan KPT untuk meningkatkan serta memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan permohonan kemasukan ke IPTA adalah lancar, berkesan dan mesra pengguna.

4. Calon Lepas SPM (Pemohon Lepas SPM 2008, 2007 & 2006 serta Setaraf) **dikehendaki** mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA Fasa 1 (Pendaftaran Permohonan) melalui URL <http://www.mohe.gov.my> yang dibuka mulai **3 November 2008**. Tarikh tutup permohonan Fasa 1 ialah pada **31 Disember 2008**.
5. Bagi permohonan Fasa 1, calon Lepas SPM hanya perlu **menggunakan Nombor Kad Pengenalan / My Kad serta Kata Laluan**.
6. Calon perlu mengisi maklumat atau butiran seperti berikut :
 - i. Maklumat Peribadi ;
 - ii. Maklumat Pekerjaan & Keluarga ;
 - iii. Maklumat Akademik (Bagi Berkaitan Sahaja) ;
 - iv. Kategori Permohonan ; dan
 - v. Maklumat Kokurikulum (Untuk Sukan & Permainan serta Tahap Penglibatan).
7. Sementara itu **permohonan Fasa 2** pula akan dibuka mulai **3 Februari 2009 jam 12.00 tengah hari**. Pemohon boleh membeli Nombor Unik ID dengan harga RM 10.60 di mana-mana kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) atau melalui Perkhidmatan Perbankan Pesanan Ringkas (SMS Banking) / Mesin ATM (Bagi yang memiliki akaun GIRO BSN Sahaja) seluruh negara sehari selepas iklan pelawaan disiarkan sehingga tarikh tutup permohonan.

8. Calon perlu mengemukakan permohonan FASA 2 dengan mengguna pakai **Nombor Unik ID, Nombor Kad Pengenalan / My Kad dan Kata Laluan**. Calon dibenarkan mengemukakan **satu (1) kali permohonan dan tiga (3) kali pengemaskinian** sehingga tarikh tutup permohonan.
9. Tarikh tutup permohonan bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf adalah seperti berikut :
 - i. **Kategori B, C, D - 3 Mac 2009**
 - ii. **Kategori A- 10 hari bekerja selepas keputusan SPM 2008 diumumkan.**
10. Justeru KPT menyarankan agar semua pemohon Lepas SPM mengemukakan permohonan bagi Fasa 1 dalam usaha meningkatkan kelancaran proses permohonan. Impaknya, dapat mengurangkan tempoh masa pemohon ketika mengemukakan permohonan mereka pada Fasa 2 nanti.
11. Sebarang kemusykilan boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, KPT di talian telefon: **03-88835801** atau **03-88835802** atau e-mel upu@mohe.gov.my.

**Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi**

31 Oktober 2008